

Suatu ketika dahulu, Pulau Dayang Bunting ialah sebuah pulau besar yang terletak di selatan Kepulauan Langkawi. Bahagian selatan pulau ini terdiri daripada batu kapur Formasi Setul dan Formasi Chuping. Proses hakisan pantai berterusan dan perubahan paras laut telah menghasilkan puluhan pulau kecil dikenali pulau baki. Gugusan pulau baki Dayang Bunting terletak di bahagian paling selatan, iaitu Batang, Ajar, Puchong, Gubang Darat, Gubang Laut, Balar, Tajai, Selat Riang-Riang dan Ujung Buloh. Proses hakisan laut dan runtutan tebing telah menyebabkan tanjung terputus daripada pulau besar membentuk pulau baki yang terasing.

Proses hakisan laut membentuk pelbagai landskap istimewa berpemandangan indah dan morfologi hakisan pulau berbatu seperti gua laut, gerbang laut, takik laut, tebing menegak, tunggul laut dan pentas hakisan ombak. Landskap pulau baki ini dilitupi oleh hutan renek di celah rekahan batuan yang menyimpan air walaupun sedikit. Flora di sini lasak dan tahan cuaca yang melampau. Bagi nelayan pesisir, pulau baki dijadikan tempat berlindung ketika laut bergelora.

Once upon a time, Pulau Dayang Bunting was a large island located south of Langkawi. The southern part of the island consists of Setul and Chuping Formation limestone. The process of continuous coastal erosion and sea level changes has resulted in dozens of small islands known as remnant islands. Dayang Bunting remnant island cluster is located in the southernmost part, namely, Batang, Ajar, Puchong, Gubang Darat, Gubang Laut, Balar, Tajai, Straits of Rieng-Riang and Ujung Buloh. The process of sea erosion and collapsed cliff has caused the cape to break off from the main island to form isolated remnant islands.

The process of sea erosion creates various landscapes of scenic beauty and rocky island erosion morphology, such as sea caves, sea arches, sea notches, cliffs, sea stumps and wave abrasional platforms. These rocky remnant islands are covered by shrubs in the cracks of rocks that can store some water. The flora here is rugged and resistant to extreme weather. The remnant islands provide shelter and refuge to the coastal fishermen when the sea is rough.



▲ Pulau baki Remnant Island



▲ Pulau baki Remnant Island



▲ Pulau baki Remnant Island



▲ Pulau baki Remnant Island

